

## Maklumat Kursus

1. **Kod Kursus** : **TTTU6294**
2. **Nama Kursus / Course Title** : **Pengurusan Projek dan Perubahan  
*Project and Change Management***
3. **Kredit** : **4**
4. **Taraf Kursus** : **-**
5. **Sinopsis / Synopsis** :

Kursus ini menggunakan pendekatan pengamal kepada pengurusan dan perubahan projek. Ia membantu pelajar memahami apa yang salah dan betul yang boleh dipelajari dari pengalaman. Ia juga memperkenalkan amalan baik yang dilaksanakan sesebuah organisasi. Sepuluh asas pengetahuan pengurusan projek dari Project Management Institute's PMBOK (Project Management Body of Knowledge) iaitu, pengurusan integrasi projek, pengurusan skop projek, pengurusan masa projek, pengurusan kos projek, pengurusan kualiti projek, pengurusan sumber manusia projek, pengurusan komunikasi projek, pengurusan risiko projek, pengurusan perolehan projek dan pengurusan pemegang taruh projek. Pengurusan perubahan projek merujuk kepada pendekatan transisi individu, pasukan projek, dan organisasi menggunakan kaedah yang bertujuan menggunakan sumber, proses bisnes, peruntukan bajet, atau mod operasi yang secara signifikan mengubah organisasi dan pemegang taruh yang terlibat dengan projek ICT.

The course is a practitioners approach to project and change management. It helps students understand what has gone wrong and what can be learned from past experience; it also promotes the best practices of consistently performing organisations. The 10 knowledge areas of project management from the Project Management Institute's PMBOK (Project Management Body of Knowledge), namely project integration management, project scope management, project cost management, project time management, project quality management, project human resources management, project communication management, project risk management, project procurement management and project stakeholder management are discussed. Project change management refers to any approach to transitioning individuals, project teams, and organizations using methods intended to re-direct the use of resources, business process, budget allocations, or other modes of operation that significantly reshape organizations and stakeholders involve in ICT projects.

6. **Pra-Keperluan:**  
Tiada.
7. **Keperluan Kursus<sup>1</sup> untuk Menduduki Peperiksaan / Course Requirements to sit for Examination** (Rujuk Peraturan UKM Pengajian Sarjanamuda pindaan 2009).

---

<sup>1</sup> Keperluan Kursus boleh meliputi peratusan kehadiran, bilangan/peruntukan markah tugas/laporan yang telah dihantar, bilangan/peruntukan markah ujian yang telah diduduki serta komponen pentaksiran lain sepanjang minggu pengkuliah.

**8. Rujukan:**

1. Marchewka, J. 2016. Information Technology Project Management, Wiley. 5th Edition
2. R.Malik, N. Safie & A. Morshidi. 2016. ICT and Managing Change, UKM Press.1st Edition

**9. Senarai Hasil Pembelajaran Kursus/ *Course Learning Outcomes List***

**HPK1 :** Menganalisis kaedah dan teknik dalam pengurusan projek dan perubahan

*To analyze the methods and techniques in project and change management*

**HPK2 :** Mensintesis sepuluh cabang ilmu utama dalam pengurusan projek dan perubahan

*To synthesize the ten knowledge areas in project and change management.*

**HPK3 :** Mengaplikasikan kaedah dan teknik pengurusan projek dan perubahan di dalam pembangunan projek Teknologi Maklumat.

*To apply the methods and techniques of project and change management in an IT project development.*

**HPK4 :** Mengadaptasi kaedah dan teknik pengurusan projek dan perubahan di dalam kajian kes.

*To adapt the methods and techniques of project and change management in a case study*

## 10. Rancangan Mengajar:

Bil.	Hasil Pelbelajaran Kursus (HPK)	Kaedah Pengajaran & Pembelajaran	Kaedah Pentaksiran	Jam Bersemuka <sup>2</sup> (Jam)	Jam Pentaksiran* (Jam)	Belajar Kendiri (Jam)	Jumlah Jam Pembelajaran <sup>3</sup> (Jam)
1	Menganalisis kaedah dan teknik dalam pengurusan projek dan perubahan	Kuliah	Tugasan dan Peperiksaan Akhir	4	0.30	27.30	32
2	Mensintesis sepuluh cabang ilmu utama dalam pengurusan projek dan perubahan	Kuliah	Tugasan dan Peperiksaan Akhir	22	2	40	64
3	Mengaplikasikan kaedah dan teknik pengurusan projek dan perubahan di dalam pembangunan projek Teknologi Maklumat.	Pembelajaran Berasaskan Kes	Peperiksaan Akhir dan Pembentangan projek	6	2	24	32
4	Mengadaptasi kaedah dan teknik pengurusan projek dan perubahan di dalam kajian kes.	Kerja Lapangan	Laporan Kerja Lapangan	15	0	17	32
Jumlah Jam Notional yang diperlukan/ <i>Required Total Notional Hours</i>			<b>(jumlah jam/40)</b>				<b>160</b>
Jumlah Kredit/ <i>Total Credit Hours</i>							<b>4</b>

<sup>2</sup> Merujuk kepada sesi berjadual yang diatur untuk pertemuan pengajar dan pelajar, seperti kuliah, makmal, kelas tutoran dan sebagainya, untuk tujuan penyampaian kandungan kursus, pentaksiran formatif dan pentaksiran berterusan/sumatif yang digabung dengan sesi bersemuka tersebut.

<sup>3</sup> “Jumlah jam pembelajaran” ini hanyalah untuk tujuan perancangan penyampaian mengikut HPK dan pensyarah perlu mengembangkan jumlah ini mengikut tajuk kuliah mingguan selama 14 minggu atau satu semester yang ditawarkan. Had terima untuk masa pembelajaran pelajar yang dibangunkan mengikut tajuk atau minggu ialah +/- 0.1 jam. Had terima untuk peruntukan markah pentaksiran ialah +/- 5% kecuali sekiranya terdapat percanggahan dengan peruntukan markah yang ditetapkan di dalam Peraturan UKM (Pengajian Sarjanamuda), Peraturan UKM (Pengajian Siswazah) atau yang setara dengannya.

## 11. Pelan Pentaksiran:

Jadual 1.13: Contoh Pelan Pentaksiran Kursus

PPPJ3624: Sains-Teknologi dalam Tamadun Islam		Tahap Taksonomi	Indikator	HPP*/ MQF**	Pemboleh (1) / Penentu (2)	Kaedah Penyampaian	Kaedah Pentaksiran			
							Laporan Kerja Lapangan	Laporan Refleksi & Pembentangan Projek	Ujian (Pertengahan Semester)	Peperiksaan (Akhir Semester)
1.	Menganalisis kaedah dan teknik dalam pengurusan projek dan perubahan	C5	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menghuraikan konsep.</li> <li>Membincangkan falsafah.</li> </ul>	HPP6	2	Kuliah		20		
2.	Mensintesis sepuluh cabang ilmu utama dalam pengurusan projek dan perubahan	C5	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membahaskan teknik dan konsep</li> <li>Membandingkan teknik dan konsep</li> </ul>	HPP6	2	Kuliah				40
3.	Mengaplikasikan kaedah dan teknik pengurusan projek dan perubahan di dalam pembangunan projek Teknologi Maklumat.	P5	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membentangkan projek</li> </ul>	HPP6	2	Pembelajaran Berasaskan Kes			20	
4.	Mengadaptasi kaedah dan teknik pengurusan projek dan perubahan di dalam kajian kes.	A4	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membentang kajian kes</li> </ul>	HPP9	2	Kerja Lapangan	20			
<b>JUMLAH/ TOTAL</b>							<b>20</b>	<b>20</b>	<b>20</b>	<b>40</b>

\*Diisi oleh fakulti/Institut

\*\*Diisi Oleh Pusat Citra/CESMED